

**BORANG PENYERTAAN  
PERTANDINGAN PENGUMPULAN BUANGAN ELEKTRIK & ELEKTRONIK  
(KATEGORI SEKOLAH & INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI)  
PERINGKAT NEGERI PERLIS  
TAHUN 2020**

**KATEGORI :**  
SEKOLAH RENDAH

SEKOLAH MENENGAH

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

**MAKLUMAT ORGANISASI:**

NAMA ORGANISASI	
ALAMAT ORGANISASI	
NO. TELEFON / FAKSIMILI	
NO. TELEFON BIMBIT/ EMAIL	
PEGAWAI PERHUBUNGAN	
COP RASMI ORGANISASI	

**PENGESAHAN :**

Dengan ini diperakui bahawa maklumat yang dinyatakan seperti di atas adalah benar.

Tandatangan Guru Besar/ Pengetua/ Dekan :

Tarikh :



# Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik

*(Kategori Sekolah & Institusi Pengajian Tinggi)*

**Peringkat Negeri Perlis  
Tahun 2020**

**Tarikh :**

**1 - 31 Oktober 2020**

*(tertakluk kepada terma & syarat)*



**HARI ALAM  
SEKITAR NEGARA**  
21 OKTOBER  
*Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*

**Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik  
(Kategori Sekolah & Institusi Pengajian Tinggi)  
Peringkat Negeri Perlis  
Tahun 2020**

**HARI ALAM  
SEKITAR NEGARA**  
21 OKTOBER

*Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*

**A. LATAR BELAKANG**

Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mewujudkan Inisiatif Belanjawan Tahun 2020 bagi melaksanakan program pengumpulan buangan elektrik dan elektronik di seluruh negara.

Selaras dengan inisiatif tersebut, Jabatan Alam Sekitar telah mengadakan Kempen Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik sempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara 2020 Peringkat Kebangsaan di seluruh negara bermula pada 23 September hingga 21 Oktober 2020 dengan penetapan sasaran pengumpulan buangan sebanyak 63,000 kg seluruh negara.

Susulan itu, Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis mengambil inisiatif untuk mengadakan Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik Sekolah & Institusi Pengajian Tinggi Peringkat Negeri Perlis Tahun 2020.

**B. OBJEKTIF**

1. Memupuk dan meningkatkan keprihatinan dan tanggungjawab orang awam dalam memelihara dan memulihara alam sekitar;
2. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman orang awam mengenai sistem pengurusan buangan elektrik & elektronik di Malaysia; dan
3. Memastikan pengurusan dan pengumpulan buangan elektrik & elektronik dapat dilaksanakan dengan lebih mesra alam.

**C. MAKLUMAT PERTANDINGAN**

Pertandingan Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik (Kategori Sekolah & Institusi Pengajian Tinggi) Peringkat Negeri Perlis Tahun 2020 adalah anjuran Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis. Pertandingan ini dibuka dari **1–31 Oktober 2020**.

**D. KELAYAKAN PERTANDINGAN**

Pertandingan ini adalah terbuka kepada 3 kategori iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi Awam/ Swasta (IPTA/ IPTS) di Negeri Perlis sahaja.

**E. HADIAH PERTANDINGAN**

Setiap kategori akan menerima hadiah wang tunai dengan nilai seperti berikut:

Tempat Pertama : RM 2,000.00

Tempat Kedua : RM 800.00

Tempat Ketiga : RM 500.00

Sijil Penyertaan kepada semua sekolah dan IPTA/ IPTS yang menyertai.

**F. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN**

1. Borang penyertaan hendaklah dihantar ke Jabatan Alam Sekitar Perlis selewat-lewatnya pada 20 Oktober 2020.
2. Setelah menerima borang penyertaan, Jabatan Alam Sekitar Perlis akan mengemukakan Borang Maklumat Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik kepada peserta melalui emel.
3. Borang Maklumat Pengumpulan Buangan Elektrik & Elektronik yang lengkap perlu dikembalikan kepada urusetia pertandingan sebelum atau pada 2 November 2020.
4. Tarikh akhir pengumpulan buangan elektrik & elektronik dan timbangan adalah pada 31 Oktober 2020.
5. Bagi pelupusan buangan elektrik & elektronik di bawah aset kerajaan, perlu mengikut prosedur pelupusan yang ditetapkan.
6. Setiap barang yang dilupuskan perlu ditimbang dan direkodkan dalam unit kg.
7. Pertanyaan dan maklumat lanjut, sila hubungi:

**Unit Pendidikan & Pengawasan Alam Sekitar,  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Perlis  
Tingkat 2, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar, Perlis**